



# HUKUM & SYARAT ISTINJA' SELAIN AIR

Disediakan oleh : **QuranPro Academy**

[www.quranproacademy.com](http://www.quranproacademy.com)

# PENGERTIAN ISTINJA'

**Menghilangkan najis** yang keluar daripada qubul atau dubur, sama ada menggunakan air atau lain-lain (batu, tisu, daun dll)

# HUKUM ISTINJA'

**WAJIB**

Keluar najis yang mengotorkan dalam keadaan basah seperti darah, kencing dan sebagainya.

**SUNAT**

Keluar najis yang tidak mengotorkan seperti ulat.

**HARUS**

Keluar peluh berhampiran tempat keluar.

**MAKRUH**

Disebabkan kentut.

**HARAM**

Istinja' dengan benda yang haram.

# ALAT ISTINJA'

Paling afdhal adalah istinja' dengan menggunakan air.

Sekiranya tiada air, maka dibolehkan istinja' dengan menggunakan selain air seperti batu, tisu, daun, kertas, kain dan sebagainya (dengan syarat yang tertentu).

Haram istinja' menggunakan makanan seperti roti. Haram juga menggunakan tulang kerana ia adalah makanan jin. Haram juga menggunakan anggota badan haiwan yang masih hidup.

# SYARAT ISTINJA' SELAIN AIR

1

**HENDAKLAH MENGGUNAKAN 3 BENDA ATAU 1 BENDA  
TETAPI MEMPUNYAI 3 PERMUKAAN.**

Mengusap najis satu persatu. Jika 3 benda itu tidak cukup (najis masih ada), maka wajib menambah jumlah benda itu sehingga najis dapat dihilangkan.

Boleh juga menggunakan 1 benda untuk mengusap najis dengan 3 permukaan atau lebih.

# SYARAT ISTINJA' SELAIN AIR

## 2

### BOLEH MEMBERSIHKAN TEMPAT KELUAR NAJIS

Tempat keluar najis ialah :

1. Lubang dubur.
2. Kepala kemaluan lelaki (zakar).
3. Bibir kemaluan Perempuan (faraj).

# SYARAT ISTINJA' SELAIN AIR

## 3

### NAJIS YANG ADA DI TEMPAT KELUARNYA BELUM KERING

Tidak boleh menggunakan benda selain air jika najis itu sudah kering (separuh atau sepenuh kering) kerana ia tidak dapat menghilangkan najis yang sudah kering.

Jika keadaan seperti itu, wajib istinja' dengan menggunakan air.

# SYARAT ISTINJA' SELAIN AIR

## 4 NAJIS YANG KELUAR TIDAK TERKENA ANGGOTA LAIN

Maksudnya, najis tidak kena anggota lain selain lubang dubur, kepala zakar dan faraj.

Jika terkena anggota lain, maka wajib menggunakan air.



# SYARAT ISTINJA' SELAIN AIR

5

## NAJIS YANG ADA DI TEMPAT KELUARNYA TIDAK BERCAMPUR DENGAN BENDA LAIN

Maksudnya, ia tidak bercampur dengan benda basah (seperti air, air kencing) atau benda kering sama ada najis (seperti tahi kering) atau suci (seperti debu).

Jika ia bercampur, maka wajib menggunakan air selepas menggunakan benda selain air.

# SYARAT ISTINJA' SELAIN AIR

## 6

### BENDA YANG DIGUNAKAN UNTUK ISTINJA' ITU MESTILAH BERSIH

Tidak sah istinja' jika benda yang digunakan itu adalah dari sesuatu yang najis atau benda yang terkena najis.

# ADAB KETIKA QADHA' HAJAT

**Tidak menghadap kiblat dan tidak membelakanginya**

**Tidak melakukannya pada air yang tidak mengalir**

**Tidak melakukannya di bawah pokok buah-buahan**

**Tidak melakukannya di jalan raya dan di lubang**

**Tidak melakukannya di tempat orang berteduh**

**Tidak bercakap, menyanyi dan seumpamanya**

**Membaca doa ketika masuk dan keluar tandas**

**Masuk ke tandas dengan kaki kiri dan keluar dengan kaki kanan**

# DOA KETIKA MASUK TANDAS

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ  
مِنَ الْجُبَّتِ وَالْجُبَائِثِ.

**Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung kepada-Mu  
daripada jin jantan dan jin betina.**

# DOA KETIKA BERISTINJA'

اللَّهُمَّ حَصِّنْ فَرْجِي مِنَ الْفَوَاحِشِ،  
وَطَهِّرْ قَلْبِي مِنَ النِّفَاقِ.

**Ya Allah, jagalah kemaluanku daripada perbuatan keji dan bersihkanlah hatiku dari sifat orang munafiq.**

# DOA KETIKA KELUAR TANDAS

عُفْرَانِكَ،  
الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَذْهَبَ عَنِّي الْأَذَى وَعَافَانِي.

**Aku memohon keampunan-Mu. Segala puji bagi Allah yang telah menyingkirkan gangguan dariku dan menyelamatkanaku.**

**SEMOGA ILMU YANG DIHIMPUNKAN  
DALAM BUKU RINGKAS INI DAPAT  
MEMBERI MANFAAT YANG BANYAK  
KEPADA ANDA**

ALIFAN PRO  
ACADEMY